

SK Kompleks Tembesu diiktiraf jadi sekolah angkat Unisza

SINAR HARIAN
29/03/2015

TEPUH - SK Kompleks Tembesu diiktiraf sebagai sekolah angkat Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) yang pertama di negeri ini.

Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, pemilihan sekolah yang baru setahun dibuka itu juga dilihat sebagai landasan terbaik untuk kedua-dua pihak memperoleh manfaat, sekali

gus mencipta lebih banyak kejayaan cemerlang. "Selaras dengan usaha Unisza untuk lebih mendekati masyarakat, pengambalian sekolah ini (SK Kompleks Tembesu) sebagai sekolah angkat juga antara pendekatan yang diambil dan kita sedia memberikan kerjasama serta bantuan bersilat akademik kepada sekolah ini nanti.



Yahaya (dua, kanan) menyerahkan sijil sekolah angkat kepada Guru Besar SK Kompleks Tembesu, Ahmad Yusoff.

Selaras dengan usaha Unisza untuk lebih mendekati masyarakat, pengambalian sekolah ini (SK Kompleks Tembesu) sebagai sekolah angkat juga antara pendekatan yang diambil dan kita sedia memberikan kerjasama serta bantuan bersilat akademik kepada sekolah ini nanti." - Yahaya

"Ini sebab, selepas ini kita akan menjalinkan kerjasama berturusan termasuk memberi bantuan pendidikan, penggunaan peralatan dan kemudahan Unisza dan dalam masa sama sekolah angkat ini juga akan turut dilibatkan dalam aktiviti di Unisza nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Karnival Pendidikan dan Bicara Ilmu Peringkat SK Kompleks Tembesu Bersama Ibu Bapa dan Komuniti, di sini.

Menurutnya, guru di sekolah itu juga diberi keistimewaan untuk melanjutkan pengajian di universiti berkenaan, selain lebih banyak program pendidikan dan motivasi akan diadakan secara bersama.

"Unisza komited menjalinkan hubungan lebih akrab dengan komuniti setempat selaras dengan usaha menarik lebih ramai pelajar mengikuti pengajian di universiti tersebut dan dalam masa sama ingin menabur bakti kepada masyarakat," katanya.